

Headline	PDRM kenduri gol, belasah KL SPA		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	160,000
Page No	63	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	147 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,868
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,604



PDRM kenduri gol, belasah KL SPA

PASUKAN Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengukuhkan cengkaman selaku peneraju Liga Premier selepas membelasah KL SPA 7-1 di Stadium Petaling Jaya, petang semalam.

Kejayaan itu menyaksikan pasukan kendalian Dollah Salleh mengutip 26 mata dan mengekalkan rekod tanpa kalah dalam 10 perlawanan.

Penyerang import dari Maldives, Ali Ashfaq membuka jaringan *The Cops* pada minit ke-20, sebelum Bobby Gonzales menggandakan jaringan m-32.

Pesta gol PDRM bermula pada pertengahan babak ke-

dua apabila import Brazil, Chad Charles Souza meledak dua gol pada m-68 dan m-80 diikuti jaringan Fazilidin Khalid serta gol sendiri pasukan pelawat melengkapkan kenduri gol PDRM pada penghujung permainan.

Gol sagu hati KL SPA di jaringan Puvanarajah m-67.

Lain-lain keputusan menyaksikan Negeri Sembilan kembali mendapat rentak kemenangan apabila menumpaskan Perlis 0-1 di laman lawan.

DRB-Hicom kecundang 1-3 kepada Felda United FC, manakala UiTM gagal meraih sebarang mata apabila tumpas 1-3 kepada Kedah.



Import PDRM, Ali Ashfaq (kiri) diasak pertahanan KL SPA pada aksi Liga Premier di Stadium MBPJ, semalam.